

Najib mengaku pemilik tandatangan

Dokumen babit borang buka akaun, arahan pindahan wang serta kad kredit

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali, Siti Nurazlinee Azmi, Fatin Hafizar Sahar dan Farah Marshita Abdul Patah bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengakui tandatangan terdapat pada dokumen berkaitan tiga akaun semasa peribadi Amlslamic Bank Berhad (Amlslamic Bank) miliknya, adalah tandatangan beliau.

Penolong Kanan Pesuruhjaya (PKP) Bahagian Operasi Khas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rosli Husain, dalam keterangan di Mahkamah Tinggi semalam berkata, dokumen itu membabitkan borang pembukaan akaun, arahan pindahan wang dan borang kad kredit.

Rosli selaku saksi pendakwa ke-57 berkata, Najib mengaku tandatangan beliau tertera pada dokumen berkenaan ketika percapapannya dirakamkan pada 5 Disember 2015 serta pada 22 dan 24 Mei 2018.



Tiga akaun Amlslamic Bank berkenaan adalah yang berakhir dengan nombor akaun 880,906 dan 898.

Rosli yang menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Suhaimi Ibrahim pada sesi pemeriksaan utama, berkata demikian ketika mengesahkan dokumen bank terbabit.

"Dokumen sudah dirujuk kepada Datuk Seri Najib dan beliau mengesahkan semua tandatangan adalah tandatangan beliau. Tiada sebarang penafian daripada pihaknya," katanya.

Suhaimi sebelum itu bertanya kepada saksi sama ada ketika proses rakaman percakapan itu, beliau menyoal Najib sama ada tandatangan pada dokumen itu adalah milik tertuduh.

Pada peringkat itu, peguam bela Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib, berkata keterangan Rosli itu adalah 'dengar cakap' semata-mata dan tidak boleh diterima mahkamah, melainkan ia disokong oleh dokumen yang boleh disahkan.

Berikutan bantahan itu, Timbalan Pendakwa Raya, Datuk V Sithambaram memberitahu Ha-

kim Mahkamah Tinggi, Mohd Nazlan Mohd Ghazali, pihaknya akan membangkitkan mengenai isu terbabit ketika mengemukakan hujahan.

Sementara itu, Rosli berkata, SPRM merampas pelbagai dokumen daripada beberapa institusi perbankan dan agensi berkaitan ketika menjalankan siasatan terhadap kes SRC International Sdn Bhd (SRC).

Beliau berkata, antara dokumen yang dirampas pihaknya, termasuk dokumen daripada AmBank dan Bank Negara Malaysia (BNM).

Beliau turut mengesahkan menerima surat pembatalan kad kredit Master dan Visa ditandatangani Najib pada 3 Mac 2015.

Antara dokumen lain diterima adalah salinan transaksi dana membabitkan tiga akaun bank milik Najib dengan nombor berakhir 880,898 dan 906.

"Saya juga menerima salinan penyata syarikat SRC daripada Pengurus AmBank, R Uma Devi. Beliau menyerahkan dokumen yang diperlukan kepada saya di pejabat SPRM pada 1 Ogos 2018," katanya.

Rosli berkata, pihaknya turut menerima satu salinan surat kebenaran daripada Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SRC, Nik Faisal Ariff Kamil kepada Amlslamic Bank cawangan Jalan Raja Chulan.

Katanya, salinan surat itu bertujuan bagi membenarkan indi-



Rosli (kanan) hadir pada perbicaraan kes SRC di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam. (Foto zulfadhli zulklifi/BH)

"Dokumen sudah dirujuk kepada Datuk Seri Najib dan beliau mengesahkan semua tandatangan adalah tandatangan beliau. Tiada sebarang penafian daripada pihaknya."

Rosli Husain,
Saksi ke-57

vidu dikenali sebagai Kee Kok Thiam untuk menandatangani dalam bentuk tunai ke dalam akaun peribadi milik Najib.

"Surat itu dikeluarkan Nik Faisal pada 2014 dan Kee Kok Thiam adalah kenalan ahli perniagaan, Low Taek Jho yang turut dikenali sebagai Jho Low.

"Bagaimanapun, usaha untuk mendapatkan dokumen asal itu gagal kerana surat itu berada dalam simpanan BNM dan pihak AmBank hanya menyimpan salinan," katanya.

Perbicaraan di hadapan Mohd Nazlan yang memasuki hari ke-54 bersambung hari ini.